



جابتن اكام إسلام فراق

JABATAN AGAMA ISLAM PERAK
TINGKAT 3, KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN
JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB
30000 IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN

Tel. : 05-208 4800
Faks : 05-255 5512
E-mail : jaipk@perak.gov.my

**Semua Pengerusi
Jawatankuasa Kariah
Masjid dan Surau Diri Jumaat**

Ruj. Kami: J.A.Pk.BPM.600-7/2/1(99)

Tarikh: 26 Jamadilakhir 1447
17 Disember 2025

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan,

HEBAHAN TEKS KHUTBAH JUMAAT DAN ARAHAN PEMATUHAN PEMBACAAN TEKS KHUTBAH YANG DIKELUARKAN JABATAN AGAMA ISLAM PERAK

Didoakan semoga YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan, berada dalam rahmat Allah SWT dan diselubungi keindahan iman serta kemanisan amal. Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan Teks Khutbah Jumaat yang diedarkan dan akan dibacakan di seluruh negeri Perak bagi minggu ini adalah seperti berikut:

Tarikh	19 Disember 2025 / 28 Jamadilakhir 1447
Tajuk	Cuti Sekolah: Waktu Terbaik Menyemai Iman, Adab dan Tanggungjawab Anak-Anak

3. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Kariah Masjid dan Surau Diri Jumaat hendaklah memastikan **semua Pegawai Masjid (Imam) dan khatib jemputan** yang mendapat kebenaran daripada pihak Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, mematuhi arahan pembacaan Teks Khutbah Jumaat yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Perak selaras dengan Peraturan-Peraturan Pegawai Masjid Negeri Perak 2018.

Kerjasama dan perhatian YBhg Dato' Seri / Dato' / Tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan diucapkan *jazakumullahu khairan kathira*.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATO' HAJI HARITH FADZILAH BIN HAJI ABDUL HALIM)

Pengarah
Jabatan Agama Islam Perak

s.k: Semua Pegawai Tadbir Agama Daerah

MSN/HebahanKhutbah

"PERAK SEJAHTERA 2030"



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain kandungan khutbah yang dikeluarkan.

“CUTI SEKOLAH: WAKTU TERBAIK MENYEMAI IMAN, ADAB DAN TANGGUNGJAWAB ANAK-ANAK”

19 Disember 2025 / 28 Jamadil Akhir 1447

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ¹، نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ²، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ³، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi

Marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan menjauhi segala larangan Nya. Sesungguhnya kemuliaan seseorang insan dinilai daripada ketakwaan; dan tiada bekalan yang lebih baik untuk akhirat melainkan takwa. Bersempena cuti sekolah hujung tahun, mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk: “**CUTI SEKOLAH: MASA TERBAIK MENYEMAI IMAN, ADAB DAN TANGGUNGJAWAB ANAK-ANAK**”

Cuti hujung tahun persekolahan bermula 19 Disember 2025 sehingga 10 Januari 2026, merupakan tempoh cuti yang panjang. Anak-anak mempunyai masa yang lama bersama keluarga kerana selama 23 hari mereka tidak ke sekolah. Masa bersama keluarga hendaklah dimanfaatkan untuk menyemai iman, memperkukuh adab dan mendidik anak-anak tentang tanggungjawab. Jika masa cuti yang panjang tidak dimanfaatkan dengan baik, dibimbangi masa cuti akan diisi dengan perbuatan sia-sia atau hiburan melampau yang boleh melalaikan dan melalakan anak-anak. Allah SWT memperingatkan ummah tentang nilai masa seperti firman Nya:

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

﴿وَالْعَصْرِ ۝ إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ۝ إِلَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَّصُوا بِالْحَقِّ وَتَوَّصُوا
بِالصَّبْرِ ۝﴾

Bermaksud: "Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang yang beriman dan melakukan amalan soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran."

(Surah al-'Asr, ayat 1 hingga 3)

Waktu cuti sekolah bukan sekadar ruang untuk berehat daripada rutin persekolahan, tetapi merupakan ruang masa berharga untuk membolehkan keluarga memberi perhatian kepada pencapaian akademik, perkembangan emosi, pembinaan minda, serta pembentukan adab dan disiplin anak-anak. Ibu bapa hendaklah meruang masa mendengar permasalahan anak-anak agar dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan. Watak dan keperibadian anak-anak amat dipengaruhi oleh didikan, sentuhan kasih sayang dan hubungan yang terjalin antara ibu bapa dengan anak-anak, bermula dari saat mereka dilahirkan, sebagaimana sabda Baginda SAW:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Bermaksud: Tidaklah setiap anak itu kecuali dilahirkan dalam keadaan suci (fitrah), maka ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi.

(Hadis Riwayat Bukhari)

Waktu terluang yang tidak diisi oleh ibu bapa atau penjaga dengan kegiatan yang dapat membimbing dan mengawal anak-anak, boleh menyebabkan mereka terdedah kepada pengaruh tidak baik seperti ketagihan gajet yang keterlaluan, hiburan yang melalaikan, tidur dan makan yang berlebihan, pergaulan yang tidak terbatas, berpelesenan sehingga larut malam, berlumba haram dan paling dibimbangi dipengaruhi pengambilan dadah.

Bagi anak-anak yang kedua orang ibu bapa atau penjaganya bekerja, perlu difikirkan langkah perlindungan dan keselamatan yang berkesan agar anak-anak yang ditinggalkan di rumah, terlindung daripada pengaruh-pengaruh negatif yang boleh merosakkan pemikiran, perangai, iman dan adab mereka.

Jemaah yang dimulihkan,

Dalam suasana yang lebih santai semasa cuti sekolah, ibu bapa dan penjaga sebagai pembimbing utama boleh merancang kegiatan-kegiatan yang dapat memperkukuh nilai kerohanian dan nilai murni dalam diri anak-anak. Penuhi masa cuti sekolah mereka dengan kegiatan-kegiatan bermanfaat yang bermakna dan menyeronokkan. Antara yang boleh dilakukan ialah:

Pertama: Mengatur jadual harian anak-anak secara seimbang, membahagikan masa untuk kegiatan-kegiatan ibadah seperti solat dan membaca al-Quran, menambah ilmu pengetahuan secara santai, beriadah dan membantu keluarga melakukan tugas harian di rumah. Jadual yang tersusun bukan sahaja membentuk disiplin, malah mendidik anak-anak untuk menghargai masa dan mengenali tanggungjawab. Latih anak-anak memikul tanggungjawab dengan memberi mereka tugas yang sesuai mengikut usia, seperti membersihkan bilik, mengemas, membasuh dan menyeterika pakaian, membantu ibu menyediakan makanan dan menjaga adik-adik. Pendidikan memikul tanggungjawab akan melahirkan generasi yang sedar dan mampu menghadapi cabaran hidup.

Kedua: Mendorong anak-anak menyertai program-program bermanfaat seperti kelas al-Quran, bengkel kemahiran dan kem motivasi, serta aktiviti kerohanian di masjid.

Ketiga: Menyediakan bahan bacaan bermanfaat di rumah, seperti bahan-bahan agama, kenegaraan, kisah-kisah perjuangan para Rasul dan pemimpin yang boleh dijadikan teladan. Budaya membaca boleh dipupuk melalui sesi membaca bersama keluarga atau perbincangan santai tentang kandungan buku.

Keempat: Anak-anak didedahkan kepada kegiatan kemasyarakatan seperti gotong-royong dan program kebajikan yang dapat membantu mereka membina empati, semangat kerjasama, dan rasa tanggungjawab terhadap masyarakat sekeliling.

Kelima: Ibu bapa yang berkemampuan membawa anak-anak melawat pusat pengajian tinggi, pusat sains, muzium, perpustakaan, kedai buku atau melancong tempat-tempat yang menzahirkan keindahan alam ciptaan Ilahi, seperti air terjun dan hutan lipur yang dapat mengukuhkan akidah mereka.

Semoga langkah-langkah yang dirintis dan diamalkan dalam keluarga akan membantu membentuk anak-anak yang seimbang daripada segi rohani, intelek, sosial dan akhlak, serta menjadi aset berharga kepada keluarga, masyarakat, negara dan agama.

Jemaah Rahimakumullah

Kesimpulannya, anak-anak yang dibimbing dengan iman, adab, dan tanggungjawab semasa cuti sekolah, insya-Allah mereka akan membesar sebagai generasi yang kuat jiwa, berakhlak mulia, dan berupaya memimpin masyarakat. Sebaliknya, jika masa cuti sekolah tidak diisi dengan kegiatan yang dapat membantu memperkayakan minda dan memperkukuhkan iman dan adab dan kesediaan anak-anak mengambil tanggungjawab, dibimbangi mereka akan mudah terjebak dengan budaya hiburan melampau, bersifat malas, dan kehilangan arah. Oleh itu ibu bapa dan penjaga hendaklah mengambil tanggungjawab membimbing anak-anak menemui jalan yang mendapat keredaan Ilahi, mencapai kejayaan dunia dan akhirat.

Sebelum berakhir tahun 2025, mimbar memperingatkan ummah agar segera menunaikan zakat harta sekiranya sudah cukup syarat, bagi mengelakkan kelewatan menunaikan kewajipan zakat harta.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin, serta mengikutinya daripada kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ
عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ
حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ⁸، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَفْ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, bimbinglah kami untuk memanfaatkan masa cuti sekolah dengan melakukan perkara kebaikan yang memberikan manfaat kepada rohani dan jasmani anak-anak. Jadikan anak-anak kami sebagai penyejuk mata kami,

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

anak-anak soleh yang berakhlak mulia, mendirikan solat, beriman, beradab dan bertanggungjawab serta bermanfaat kepada agama, bangsa dan negara.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki berlipat ganda, sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel dan sekutunya.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Jauhi kami daripada kemurkaan Mu; jauhi kami daripada termasuk dalam kalangan orang-orang yang terhalang mendapat nikmat Mu; jauhi kami daripada kesengsaraan, bencana dan malapetaka. Jauhi kami daripada kejahilan dan kezaliman. Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Malikul Mulk!, Lantiklah untuk urusan kami, orang-orang yang terbaik dalam kalangan kami. Jangan Engkau lantik untuk urusan kami, orang-orang yang terburuk dalam kalangan kami. Hindari negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah lagi ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةٌ وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ
وَالْمُنكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.